

Bina negara dengan kasih sayang, tolak perkauman



Kita dilahirkan di negara tercinta Malaysia yang dianugerahkan Allah SWT dengan kemakmuran dan rakyatnya hidup aman damai, walaupun dalam masyarakat majmuk.

Keamanan hari ini bukan datang begitu saja. Bumi tercinta ini pernah mengalami pengalaman pahit dijajah Portugis, Inggeris, Belanda, Jepun, kemudian Inggeris sekali lagi.

Pengalaman sebegitu sudah tentu tidak mahu diulang lagi. Teriakan keramat 'Merdeka' pada 31 Ogos 1957 dan Hari Malaysia pada 16 September 1963, tidak semudah dilalui dan generasi hari ini perlu menghayati agar pengorbanan datuk nenek kita tidak disia-sia.

Untuk apa mereka berjuang menentang penjajah? Jawabnya, kerana tanah keramat ini bukan milik mereka dan demi masa depan

agama dan bangsa, penjajah perlu dihalau keluar.

Kita pernah ada Dol Said yang menentang kemaraan penjajah pada 1826 di Naning, begitu juga Rentap yang menentang kubu Raja Brooke di Nanga Skrang pada 1853. Di Pasir Salak pula, Datuk Maharajalela membunuh JWW Birch pada 1875, begitu juga Mat Salleh yang gagah mengetuai gerakan menentang Inggeris pada 1884 hingga 1900 di Sabah. Tidak lupa penentangan Mat Kilau, Datuk Bahaman serta Tok Janggut.

Kini selepas 62 tahun merdeka, tanpa lagi kegagahan tokoh silam, adakah kita mampu mempertahankan kemerdekaan negara. Tentunya kali ini bukan daripada penjajah, tetapi perpaduan antara kita bagi mengekalkan kestabilan negara.

Rakyat berbilang bangsa di negara ini sentiasa diuji dengan pelbagai dugaan sehingga pernah berlaku ketegangan kaum pada 13 Mei 1969. Siapa yang untung jika perkara sedemikian sekali lagi berlaku? Kalah jadi abu, menang jadi arang. Hanya darah dan tangisan diperoleh.

Berdasarkan senario hari ini, rakyat Malaysia haruslah bertanggungjawab menerima segala adat resam dan budaya yang berlainan agama dengan fikiran terbuka agar dapat membendung perkara yang tidak baik sehingga boleh menimbulkan kekacauan seperti di beberapa negara.

Beberapa langkah perlu diambil dan dikekalkan dalam usaha memastikan rakyat di Malaysia ini terus bersatu padu. Antaranya memantapkan penggunaan bahasa Melayu khususnya melalui sistem pendidikan sama ada pada peringkat sekolah, termasuk aliran vernakular ke peringkat pendidikan tinggi.

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sebenarnya adalah jiwa penyatuan untuk semua lapisan masyarakat. Mengikut Perlembagaan Malaysia, bahasa Melayu digunakan sebagai alat komunikasi yang penting untuk menyatu-padukan semua lapisan masyarakat.

Oleh itu anak kecil daripada pelbagai kaum perlu diajar menguasai bahasa Melayu bagi membolehkan mereka berkomunikasi

bersama rakan di sekolah, seterusnya hingga ke peringkat universiti. Bila bahasa sudah sebatikan dengan jiwa, bagai aur dengan tebing, maka mereka akan menjadi anak Malaysia sejati yang mencintai negaranya.

Amat menyedihkan seperti tidak masuk akal dan memalukan bagi negara yang sudah merdeka selama 62 tahun, masih ada rakyat negara ini yang tidak mampu berbahasa Melayu dengan baik kerana mengutamakan bahasa ibunda masing-masing.

Di negara ini sistem persekolahannya agak unik kerana tiga kaum utama Melayu, Cina dan India mempunyai bahasa ibunda berbeza dan boleh memilih sistem persekolahan tersendiri. Ini sekali gus memisahkan pelajar mengikut bahasa ibunda masing-masing.

Tiga kaum terbesar yang dipisahkan di tiga jenis sekolah berbeza sebenarnya menghalang penyatuan antara kaum. Malangnya, di negara ini parti politik menggunakan isu sekolah berbeza ini sebagai alat kepentingan mereka tanpa memikirkan masa depan generasi akan datang.

Politik perkauman mewujudkan hubungan tidak harmoni antara kaum dan ini akan menyebabkan negara kita dalam keadaan tidak stabil. Hal ini akan mendorong pergaduhan atau pertelingkahan antara kaum.

Kesimpulannya, perpaduan kaum adalah elemen penting. Ia harus diberi perhatian kerana pemupukan hubungan etnik antara masyarakat adalah penting bagi negara kita yang bermasyarakat majmuk serta menjamin kestabilan ekonomi dan politik negara.

Kerajaan perlu memikirkan secara mendalam adakah apa yang kita lakukan selama ini sama ada bidang pendidikan dan sosial di landasan yang betul atau sebenarnya ia rapuh dan menunggu masa untuk runtuh.

Bagi rakyat negara ini, sayangnya tanah air ini kerana anda tidak ada lagi tempat lain untuk dituju. Binalah negara ini dengan kasih sayang dan bukannya pertelingkahan.

Penulis adalah Penulis Khas Berita Harian